

KUALITI HAFALAN TERHADAP PRESTASI AKADEMIK PLUS TAHFIZ UiTM SHAH ALAM

THE QUALITY OF MEMORIZATION TOWARDS ACADEMIC PERFORMANCE OF PLUS TAHFIZ UiTM SHAH ALAM

Sumaiyah Bahri

Academy of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450,
Shah Alam, Selangor, Malaysia.
E-mail: sumaiyah@uitm.edu.my

Aishah Azlan

Academy of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450,
Shah Alam, Selangor, Malaysia.
E-mail: aishahazlan@uitm.edu.my

Ammar Ismail

Academy of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450,
Shah Alam, Selangor, Malaysia.
E-mail: ammar_ismail@uitm.edu.my

Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong

Academy of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450,
Shah Alam, Selangor, Malaysia.
E-mail: syukri@uitm.edu.my

ABSTRAK

Hafalan al-Quran merupakan amalan yang dapat meningkatkan kualiti daya ingatan disamping dapat memperkasakan jiwa dan kerohanian seseorang bagi melahirkan generasi baru yang berkualiti dari mutu pendidikan dan sahsiah diri seseorang. Dalam merealisasikan sasaran kerajaan bagi melahirkan seramai 125000 huffaz profesional dalam pelbagai bidang menjelang 2050 melalui agenda Transformasi Nasional 50 (TN50). Universiti Teknologi Mara (UiTM) menyahut cabaran dan telah mempunyai seramai 105 jumlah mahasiswa yang meyertai program Plus Tahfiz yang ditawarkan sebagai satu program kokurikulum. Penyertaan oleh mahasiswa yang pelbagai bidang akademik ini menjadi satu cabaran dalam memastikan mereka melengkapkan silibus hafalan mereka sebelum bergraduasi. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan hafalan al-Quran

yang dilakukan setiap hari dengan *kecemerlangan* akademik yang diperolehi serta sahsiah mahasiswa itu sendiri. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kaedah tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik. Hasil kajian ini mendapati bahawa hafazan al-Quran memberi impak yang positif kepada kecemerlangan akademik pelajar berdasarkan penilaian terhadap PNGK semasa. Implikasi kajian mendapati bahawa aktiviti menghafal al-Quran perlu diberi perhatian dan diadunkan secara bersepada dengan bidang *akademik* kerana *hafalan al-Quran* juga turut menyumbang kepada *kecemerlangan* akademik pelajar dan sahsiah rupa diri pelajar.

Kata Kunci: Kesan Hafalan, Hafalan al-Quran, Kecemerlangan, Akademik, Plus Tahfiz.

ABSTRACT

Memorization of al-Quran is a practice that can improve one's ability of memorization, apart from empowering one's heart and spiritual aspect in the endeavor to raise new generations adorned with quality education and to embellish one's character. In actualizing the government's aspiration to encourage the development of 12,500 professional huffaz from a variety of background expertise by 2050 as a part of Transformasi Nasional 50 (TN50), UiTM answers the call by nurturing approximately 105 students as of now, in Plus Tahfiz that was offered as a curriculum program. The involvement of students from different fields renders it a challenge to ensure they are able to complete their memorization syllabus prior to graduation. This research attempts to study the effects of al-Quran memorization practiced on a daily basis towards the students' academic excellence and the improvement of the students' character. The methodology employed in this research is by distributing questionnaires. The findings of this research suggest that al-Quran memorization imprints a positive impact on students' academic excellence based on the analysis of students' current CGPA. The implication of this research proposed that al-Quran memorization should be granted more emphasis and be integrated with the academic field because the practice of memorization of al-Quran contributes significantly to the students' academic excellence and the development of their character.

Keyword: Effect of memorization, al-Quran Memorization, Excellence, Academic, Plus Tahfiz.

1. PENGENALAN

Budaya menghafal al-Quran telah diwarisi dari generasi ke generasi sejak zaman Rasulullah SAW sehingga hari ini adalah sebagai bukti pemeliharaan Allah SWT terhadap al-Quran sesuai dengan jaminanNya sebagaimana dinukilkhan dalam Surah al-Hijr ayat 9. Hafalan al-Quran dalam arus pendidikan di Malaysia telah memberi impak yang sangat positif dari sudut

sahsiah dan kecemerlangan akademik pelajar. Fauzan et al. (2017)¹ menyatakan penghasilan pelajar yang holistik dan berkualiti telah direalisasikan berdasarkan falsafah pendidikan negara ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seiring dengan kehebatan mukjizat al-Quran.

Hafalan al-Quran juga merupakan faktor pemungkin yang mempengaruhi pencapaian akademik terutama dalam kalangan pelajar Islam seperti yang dikaji oleh Salasiah et al. (2012). Faktor lain seperti faktor sosioekonomi, tahap pendidikan ibubapa, pendapatan keluarga, motivasi diri, gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran merupakan antara faktor yang turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar selain daripada hafalan al-Quran.

Program Plus Tahfiz merupakan wahana dalam menempatkan Hafalan al-Quran dalam arus Pendidikan di Universiti Teknologi Mara. Program ini selaras dengan aspirasi Dasar Pendidikan Tahfiz yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada tahun 2018. Aspirasi ini disahut oleh pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) melalui Naib Canselornya pada ketika itu iaitu Prof. Emeritus Datuk Dr. Hassan Said dengan membuka peluang kepada para pelajar lepasan sekolah tahfiz di seluruh negara untuk melanjutkan pengajian mereka diperingkat lebih tinggi di UiTM. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk memastikan hafalan Al-Quran pelajar yang berada di UiTM dapat dikekalkan dan dipertahankan serta dipertingkatkan. Disamping memantapkan hafalan Al-Quran, program ini juga berfungsi bagi mewujudkan suasana yang lebih interaktif dalam kalangan para pelajar yang telah menghafal al-Quran. Melalui program ini juga, ia turut diharapkan mampu untuk melestarikan pembudayaan dan kefahaman al-Quran dalam membuka suatu landskap baharu dalam kampus dan pendidikan pengajian tinggi di UiTM.

Program ini mula dilaksanakan pada pengambilan kemasukan pelajar semester September 2018. Pada ketika itu, program ini hanya berjalan di beberapa buah kampus sahaja antaranya Shah Alam, Kuala Pilah, Tapah, Dungun dan Pasir Gudang. Namun pada 2019, pengambilan pelajar dan kebersediaan kampus-kampus cawangan mula bergerak bersama dalam menawarkan program Plus Tahfiz di kampus-kampus cawangan UiTM. Hingga kini jumlah pelajar yang mengikuti program Plus Tahfiz dianggarkan sekitar 445 orang pelajar dalam pelbagai bidang pengajian merentasi 27 fakulti di hampir kesemua 35 kampus UiTM. Program Plus Tahfiz ini diangkat sebagai program universiti yang mana diurustadbir oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) di setiap kampus UiTM.

¹ Fauzan, A. S., & Mohamad, S. (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Al-Turath*, 2(2). Retrieved from: <http://journalarticle.ukm.my/13574/1/51-88-1-SM.pdf>

2. PERNYATAAN MASALAH

Kecemerlangan pelajar yang melibatkan keseimbangan pendidikan antara duniawi dan ukhrawi menjadi satu sasaran dalam dunia pendidikan kini sebagaimana kewujudan Maahad Tahfiz al-Quran (MTAQ). Dunia hari ini memerlukan para huffaz yang profesional dari segi kepintaran intelektualnya, akhlak dan jati diri yang unggul disamping berdaya maju untuk mengorak langkah menerajui dunia. Oleh sebab itu, program Plus Tahfiz diperkenalkan di beberapa universiti termasuklah Universiti Teknologi Mara (UiTM). UiTM melaksanakan program Plus Tahfiz ini kepada pelajar menggunakan platform kokurikulum. Kokurikulum ini wajib diambil oleh semua pelajar dengan penawaran beberapa program yang lain termasuklah Plus Tahfiz ini.

Program ini bertujuan menggalakan pelajar-pelajar dari kolej, Maahad atau sekolah-sekolah sebelum ini yang menyediakan kemudahan hafalan kepada pelajar mereka dan agar hafalan ini dapat diteruskan sehingga mereka berada di peringkat pengajian yang tertinggi iaitu di peringkat universiti. Ini kerana ilmu al-Quran dan akademik jika diadunkan bersama akan membentuk kecemerlangan pelajar. Sekaligus menolak tanggapan bahawa pelaksanaan aliran dwisistem adalah membebankan dan menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian kepada bidang akademik.

Dalam kajian Salasiah et al. (2012)² mendapati prestasi pencapaian akademik pelajar dapat dikaitkan dengan amalan kerohanian. Sebuah negara memerlukan generasi yang kuat dari aspek mental dan jiwa di samping pintar intelektualnya yang terhasil daripada amalan *spirituality* ini. Seiring dengan kemajuan yang semakin pesat membangun, dunia pendidikan di Malaysia telah mengorak langkah dengan penubuhan Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) dan pengajian Ulul Albab. Hal ini membuktikan akan kepentingan pendidikan yang bersasarkan kerohanian dalam membentuk sahsiah diri pelajar yang akan menyumbang dalam dunia professional di bidang pekerjaan akan datang.

Permintaan yang tinggi terhadap sekolah tahniz swasta dan sekolah tahniz rakyat menjadi pemangkin kepada pihak universiti agar selari dalam meningkatkan kemudahan pendidikan yang berteraskan dwisistem agar selari dengan sasaran pendidikan yang dapat melahirkan para huffaz dalam pelbagai aliran pekerjaan professional di Malaysia. UiTM sebagai wadah membawa harapan ini menitikberatkan akan kualiti graduan yang disulami dengan pendidikan dwisistem ini agar seimbang kerohanian dan akademik.

² Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. (2012). The Relationship Between Spiritual Practice and Student's Academic Performance. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia, 4(2), 51–60.

Namun, timbulnya persoalan apakah kesan hafalan al-Quran terhadap prestasi akademik dan sahsiah diri pelajar Plus Tahfiz UiTM Shah Alam yang merupakan kampus induk bagi kampus-kampus UiTM di seluruh Malaysia. Objektif utama dalam kajian ini ialah menganalisis kesan dan hubungan hafalan al-Quran terhadap aspek prestasi akademik dan sahsiah diri pelajar Plus Tahfiz UiTM Shah Alam.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode penyelidikan kuantitatif berbentuk kajian tinjauan. Biasanya kajian tinjauan dilakukan dengan cara memberi soal selidik kepada subjek kajian untuk dijawab (Chuan Yan Piaw 2006).³ Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik jawapan dipilih (Likert). Kajian ini menggunakan teknik pemungutan data secara skala jawapan jenis Likert (Rosmawati 2013) sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Responden diminta untuk menanda soalan-soalan yang disediakan seperti makluman geografi responden, soalan kesan dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika mengikuti kelas hafalan masing-masing. Responden diberi pilihan untuk menandakan salah satu skala dari nombor 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5). Proses penganalisan data-data kuantitatif ini menggunakan analisis deskriptif seperti frekuensi, min, sisihan piawai dan peratusan dan analisis inferensi berbentuk regressi dan korelasi. Soalan ini diedarkan kepada pelajar-pelajar UiTM Shah Alam yang mengambil Kokurikulum Plus Tahfiz. Kesemua responden yang menjawab adalah seramai 67 pelajar.

4. KESAN MENGHAFAL AL-QURAN

Al-Quran merupakan panduan utama bagi seorang Muslim sebagai bimbingan sepanjang hayat. Nabi Muhammad SAW diutuskan oleh Allah untuk menyampaikan kandungan Al-Quran bagi mengajarkan kepada umat manusia tentang aqidah, syariah, dan akhlak. Rekod sejarah juga telah melakarkan keutuhan tamadun Islam yang dibangunkan selari dengan tuntutan Al-Quran dan al-sunnah dalam menerajui aspek intelektual pembangunan sesebuah peradaban (Talib et al., 2010).⁴ Ternyata Al-Quran itu bukan sahaja meninggalkan kesan terhadap diri seseorang individu secara khusus, malah bermanfaat juga untuk umat secara umum.

Firman Allah di dalam Al-Quran telah menukilkhan banyak saranan terhadap penghayatan Al-Quran termasuklah memelihara kesucian Al-Quran melalui cara menghafal Al-Quran. Misalnya, firman Allah dalam Surah Muhammad ayat ke-24 yang berbunyi:

³ Chuan Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.

⁴ Talib, N. H. F., Mohd Shafie, B. H., Husain, M., Zakaria, H., & Tamuri, A. H. (2010). *Al-Quran dan as-Sunnah Teras Ketamadunan Manusia*. Conference: Seminar Pengajian Islam Menjana Keintelektualan Ummah. Volume 1

﴿أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَفْفَالُهَا﴾

Maksudnya : “Maka apakah mereka tidak memperhatikan Al-Quran atau hati mereka terkunci?”.⁵

Ayat ini menerangkan galakan untuk mentadabbur dan menghayati kandungan Al-Quran. Sehubungan dengan itu, mereka yang berusaha untuk menjaga Al-Quran dengan cara hafalan akan dikurniakan ganjaran seperti yang disebut di dalam sebuah hadis yang bermaksud “Sesiapa yang membaca al-Quran dan kemudian dihafalnya, kemudian ia menghalalkan yang dihalalkan oleh al-Quran dan mengharamkan yang diharamkannya oleh al-Quran nescaya, ia akan dimasukkan oleh Allah SWT dengannya ke syurga serta boleh memberi syafaat sepuluh orang dari ahli keluargannya yang kesemuanya wajib masuk neraka”(Hadith Riwayat al-Tirmizi). Mereka yang menghafal dan beramal secara menyeluruh akan ajaran Al-Quran dijanjikan syurga oleh Allah (Mustaffa, 2010).⁵

Di Malaysia, institusi dan pusat pengajian yang menawarkan program hafalan Al-Quran mendapat sambutan hangat yang dapat dibuktikan melalui hasil dapatan pendaftaran pelajar ke pusat-pusat pengajian tersebut. Dilaporkan bahawa bilangan pendaftaran pelajar ke institusi pengajian tahfiz terkemuka di Darul Quran JAKIM semakin meningkat saban tahun yang berakar dari kesedaran individu terhadap keberkesanan sistem pendidikan yang seimbang antara akademik dan rohani di institusi tersebut (Ahmad, 2015).⁶ Kewujudan banyak lagi intitusi-institusi pengajian yang menawarkan program hafalan Al-Quran di setiap negeri memudahkan para ibu bapa untuk menempatkan anak-anak mereka di pusat pendidikan yang menyediakan Latihan yang sesuai untuk memenuhi ilmu dunia dan akhirat.

Program hafalan Al-Quran yang berkesan terhadap pelajar haruslah disertai dengan perancangan rapi bagi memastikan tugas tersebut tidak menambahkan bebanan kepada pelajar dari aspek pembelajaran akademik yang lain. Sebuah penyelidikan telah diterbitkan yang memaparkan hasil kajian kesan positif program hafalan Al-Quran terhadap pelajar dari Maahad Tahfiz. Penyelidikan tersebut dijalankan untuk mengkaji sistem pembelajaran para pelajar di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan. Dilaporkan bahawa Maahad Tahfiz tersebut mempunyai sistem terperinci untuk melancarkan proses hafalan para pelajar. Misalnya, sebelum para pelajar ditugaskan untuk menghafal, mereka diperkenalkan dengan kaedah memperbetulkan bacaan terlebih dahulu. Mereka juga diajarkan dengan etika-etika yang

⁵ Mustaffa, M. H. (2010). *Hafazan Al-Quran Dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat*. Kelantan: Pulai Chondong, Universiti Malaya.

⁶ Ahmad, N. (2015). *Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV*. Retrieved from: http://eprints.um.edu.my/13634/1/kertas_kerja_multaqa_huffaz.pdf

sewajarnya, seperti bacaan doa sebelum hafalan, dan juga galakan untuk menggunakan satu mushaf yang khusus sepanjang proses hafalan.

Selain itu, mereka juga dituntun dengan beberapa teknik hafalan seperti pemilihan tempat sunyi untuk menghafal, mencari waktu yang lapang untuk menghafal dengan tenang, dan membaca hafalan mereka kepada rakan-rakan terlebih dahulu sebelum diperdengarkan kepada guru. Manakala bagi usaha untuk menjaga hafalan pula, mereka dilatih untuk mengamalkan beberapa ibadah khusus seperti melazimi solat tahajjud, solat Subuh di awal waktu, dan melazimi bacaan Surah al-Insyirah. Laporan membuktikan Maahad Tahfiz tersebut berjaya meraih Anugerah Sekolah Terbaik Yayasan Islam Kelantan (YIK) buat beberapa tahun berturut-turut sejak tahun 1997. Para pelajar yang bergraduasi dari Maahad Tahfiz tersebut juga berjaya menyambung pelajaran di universiti-universiti terkemuka tempatan, dan terdapat juga sebahagian mereka yang melanjutkan pendidikan di Timur Tengah. Sejajar dengan tujuan penubuhan pusat pendidikan tersebut, mereka telah membuktikan program hafalan Al-Quran tidak akan menjejaskan prestasi akademik sekiranya program tersebut dilaksanakan secara sistematik (Mustaffa, 2010).⁷

Di samping itu, keberkesanan hafalan juga didorong oleh faktor yang bersifat fizikal. Sebuah kajian tentang pemerkasaan Darul Quran telah merungkaikan faktor-faktor yang menjadi penyumbang dalam kejayaan pembangunan institusi tersebut. Dilaporkan bahawa pengurusan yang baik dan memenuhi tahap keprofesionalan ialah pengurusan yang tidak mengabaikan keperluan pelajar, malah sentiasa mengutamakan kehendak pelajar untuk melanjutkan program hafalan al-Quran. Selain daripada melaksanakan sistem pembelajaran atau kaedah hafalan yang teratur, sebuah organisasi pusat Tahfiz yang mampan dapat dipamerkan melalui kebolehan sistem tersebut dalam menawarkan keperluan pelajar yang bersifat fizikal juga, seperti menawarkan persekitaran yang baik dan kondusif untuk memastikan proses hafalan berjalan tanpa gangguan (Ahmad, 2015).⁸

Amalan menghafal Al-Quran secara tidak langsung akan melatih para pelajar untuk menguasai teknik pembelajaran yang baik, disamping membimbing pelajar dari sudut etika menuntut ilmu. Sebuah kajian telah dijalankan untuk meraih maklumat dari pelajar Darul Quran tentang hubungan kemahiran hafalan Al-Quran terhadap kecemerlangan akademik. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan beberapa respon positif dari para pelajar mengenai keberkesanan program hafalan Al-Quran. Antaranya adalah, kemahiran hafalan Al-Quran melatih pelajar

⁷ Mustaffa, M. H. (2010). *Hafazan Al-Quran Dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat*. Kelantan: Pulai Chondong, Universiti Malaya.

⁸ Ahmad, N. (2015). *Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV*. Retrieved from: http://eprints.um.edu.my/13634/1/kertas_kerja_multaqa_huffaz.pdf

mendisiplinkan diri, meningkatkan daya ingatan dan daya fokus pelajar terhadap hal-hal akademik. Respon para pelajar tersebut membuktikan bahawa semakin banyak jumlah juzuk yang dihafal, semakin baik daya ingatan mereka yang dapat dijadikan dorongan untuk memenuhi tuntutan tugas akademik. Hasil kajian menunjukkan 7.1% daripada responden kajian tersebut meraih PNGK kelas pertama, dan 84.3% daripada mereka merangkul PNGK kelas kedua atas semasa pengajian. Secara keseluruhannya, sebanyak 91.4% responden meraih PNGK tidak kurang dari 3.00. Ringkasnya, acuan program hafalan Al-Quran perlulah seiring dengan kemajuan dari sudut akademik untuk melahirkan pelajar yang tidak culas terhadap tanggungjawab menuntut ilmu (Fauzan & Mohamad, 2017).⁹

5. DAPATAN KAJIAN

5.1 ANALISIS PENCAPAIAN AKADEMIK

Berdasarkan analisis terhadap PNGK semasa pengajian, majoriti responden mendapat penarafan akademik Kelas Kedua Atas dengan jumlah seramai 63% (42 orang). Jumlah responden yang telah mendapat Kelas Pertama adalah sebanyak 37% (25 orang). Secara keseluruhannya, seramai 67 orang pelajar (100%) telah memperoleh PNGK melebihi 3.00.

Jadual 1: Pencapaian Akademik

Taraf Pencapaian Akademik	Kekerapan	Peratusan
Kelas Pertama	25	37%
Kelas Kedua atas	42	63%
Jumlah	67	100%

Sumber: Soal Selidik, 2021

Hafalan yang dilakukan oleh pelajar bagi setiap semester mendidik mereka agar lebih berdisiplin dalam mengekalkan ayat-ayat yang dihafal agar terus kekal dalam ingatan, secara tidak langsung ini menjadikan mereka mudah mengingati mata pelajaran lain jugak. Disiplin dalam menghafal menghabiskan masa mereka dalam melakukan aktiviti yang sihat. Kecenderungan terhadap aktiviti yang tidak berfaedah dapat dielakkan atas desakan silihun hafalan yang harus mereka habiskan bagi setiap semester sebelum berakhirnya semester kelima yang telah melengkapkan hafalan sebanyak 30 juzu'.

5.2 ANALISA PENINGKATAN KUALITI HAFALAN

Selain kesan hafalan terhadap prestasi akademik yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar ini, faktor yang mempengaruhi kualiti hafalan juga harus diberi penekanan dalam memastikan pelajar mudah

⁹ Fauzan, A. S., & Mohamad, S. (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Al-Turath*, 2(2). Retrieved from: <http://journalarticle.ukm.my/13574/1/51-88-1-SM.pdf>

menghabiskan hafalan mereka dengan jayanya. Merujuk kepada jadual 2, min yang paling tinggi bagi pemilihan pelajar adalah penempatan pelajar program Plus Tahfiz dalam satu kolej penginapan, diikuti memberikan latihan untuk mengasah kemahiran hafalan. Hal ini kerana keperluan pelajar dalam mendisiplinkan diri memerlukan suasana dan keadaan yang lebih kondusif ($\text{min}=3.88$). Selain itu keperluan kepada latihan yang lebih banyak dalam mengasah bakat hafalan supaya pelajar dapat memenuhi sasaran 6 juzu' setiap semester ($\text{min}=3.76$). Pelajar cuba mengelak dari memperuntukkan semester khas untuk menghabiskan jumlah hafalan juzu' kerana lebih memfokuskan hafalan hanya ketika semester berjalan sahaja ($\text{min}=3.10$) bagi pemilihan yang paling rendah.

Jadual 2: Peningkatan Kualiti Hafalan

Bil	Pernyataan	Peratus (%)					Min	S.P
		STS	TS	N	S	SS		
1	Mengurangkan jumlah hafalan juzu' bagi setiap semester.	3 (4.5)	8 (11.9)	34 (50.7)	19 (28.4)	3 (4.5)	3.16	0.86
2	Memperuntukkan semester khas untuk menghabiskan jumlah hafalan juzu'	4 (6.0)	16 (23.9)	23 (34.3)	17 (25.4)	7 (10.4)	3.10	1.07
3	Memanjangkan tempoh tasmik.	1 (1.5)	11 (16.4)	30 (44.8)	18 (26.9)	7 (10.4)	3.28	0.92
4	Menempatkan pelajar Program Plus Tahfiz dalam satu kolej penginapan.	-	5 (7.5)	15 (22.4)	30 (44.8)	17 (25.4)	3.88	0.88
5	Memberikan latihan untuk mengasah kemahiran hafalan.	-	1 (1.5)	28 (41.8)	24 (35.8)	14 (20.9)	3.76	0.80
6	Menawarkan kepelbagaiian	-	8 (11.9)	24 (35.8)	24 (35.8)	11 (16.4)	3.57	0.91

modul silibus
(contoh: Tafsir,
Tajwid, Qiraat,
dan lain-lain).

- STS - Sangat Tidak Setuju
TS - Tidak Setuju
S - Setuju
SS - Sangat Setuju
S.P - Sisihan Piawai

Sumber: Soal Selidik, 2021

5.3 HASIL DAPATAN KAJIAN

Dari pada analisis kajian literatur dan hasil kajian soal selidik, dapat disimpulkan bahawa bagi memastikan keberkesanan program hafalan al-Quran dalam memastikan kualiti akademik pelajar, sistem yang dilaksanakan perlulah diteliti dengan rapi agar dapat memenuhi keperluan pelajar dan sesuai dengan kesediaan mental pelajar. Contohnya, hasil kajian soal selidik menjelaskan bahawa para pelajar bersetuju terhadap kepentingan penempatan pelajar Program Plus Tahfiz di kolej penginapan yang sama. Perkara ini membuktikan bahawa suasana pembelajaran merupakan salah satu faktor penting untuk menggalakkan proses hafalan pelajar berjalan lancar. Seperti yang dilaporkan di bahagian kajian literatur, persekitaran yang kondusif juga merupakan antara penyumbang terbesar dalam menggalakkan hafalan para pelajar berjalan tanpa gangguan. Malah, sekiranya para pelajar Plus Tahfiz ditempatkan di kolej penginapan yang sama, mereka akan lebih termotivasi untuk menjalani rutin harian sebagai pelajar tahfiz dengan baik kerana mempunyai pengaruh rakan-rakan sekeliling yang baik. Pengurusan rutin harian ini merupakan faktor pertama yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang dalam memenuhi matlamat menuntut ilmu.

Seterusnya, hasil kajian soal selidik memaparkan persetujuan pelajar untuk dilatih dengan kaedah atau teknik hafalan yang dapat mendorong proses hafalan yang lebih efisien. Merujuk kepada kajian literatur yang dibentangkan, teknik ini juga mempengaruhi keberkesanan hafalan pelajar program tahfiz. Bagi menguasai teknik hafalan yang betul, sebuah pusat tahfiz perlu menawarkan khidmat para guru atau pelatih yang berpengalaman untuk memastikan para pelajar mendapat bimbingan yang selayaknya bagi meningkatkan kualiti hafalan al-Quran.

Sekiranya setiap isu kecil ini dapat diteliti dan dirangka rapi jalan penyelesaian, maka para pelajar akan mendapat manfaat dari sudut peningkatan prestasi akademik juga. Merujuk kepada analisis hasil kajian soal selidik, amalan hafalan al-Quran dapat melatih pelajar untuk

bertanggungjawab terhadap rutin pembelajaran mereka, dan seterusnya dapat menjamin prestasi akademik yang membanggakan. Tuntasnya, keberkesanan program tafhiz ini bukan semata-mata bergantung kepada motivasi para pelajar, malah, ianya bermula daripada kesediaan sesebuah sistem pendidikan tersebut untuk menawarkan pengurusan yang komprehensif bagi memenuhi keperluan pelajar dari semua sudut. Sistem pendidikan yang menawarkan program tafhiz bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan sistem pengurusan dan organisasi yang cemerlang, kerana urusan pentadbiran inilah yang akan menjamin perihal-perihal lain dalam pendidikan tafhiz tidak diabaikan. Pertubuhan organisasi yang amanah akan memastikan para pelatih mempunyai kemahiran pengajaran yang berkualiti bagi melatih teknik hafalan yang betul kepada para pelajar. Selain itu, pihak pentadbiran ini jugalah yang akan menentukan penaik tarafan persekitaran hafalan yang lebih kondusif bagi ekosistem pendidikan tafhiz. Hasil daripada sistem yang cemerlang ini akan melahirkan para pelajar yang baik sahsiahnya, dan juga mengasah kemahiran mereka bagi memenuhi kehendak pasaran selepas graduasi (Ahmad, 2015).¹⁰

6. KESIMPULAN

Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. kepada umatnya sebagai panduan kehidupan manusia seluruhnya. Allah menurunkan al-Quran kepada semua hambaNya sebagai pegangan yang kukuh, agar dalam setiap kehidupan makhlukNya berada di dalam rahmat dan keberkatanNya. Pendidikan tafhiz pada masa kini merupakan satu aliran pendidikan yang semakin mendapat tempat. Kepentingan akan dwisistem pendidikan yang mengutamakan ilmu al-Quran dan akademik dalam acuan pendidikan merupakan aspek yang sangat penting bagi pembentukan sahsiah dan kejayaan dalam pelajaran. Kesan daripada menghafal al-Quran sangat dirasai oleh pelajar dan diterjemahkan oleh pelajar melalui pencapaian akademik yang cemerlang. Kajian ini membuktikan kesan hafalan al-Quran menyumbang sedikit sebanyak dalam peningkatan akademik dan sahsiah mereka. Harapan yang besar diletakkan bagi memastikan pendidikan tafhiz berupaya melahirkan generasi al-Quran yang dapat membangunkan kesejahteraan negara. Namun, cabaran yang melingkari pendidikan tafhiz tidak kurang hebatnya.

REFERENCES

- [1] Ahmad, N. (2015). *Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabat Pendidikan Tafhiz di Malaysia*. Simposium Pendidikan Tafhiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV. Retrieved from: http://eprints.um.edu.my/13634/1/kertas_kerja_multaqa_huffaz.pdf

¹⁰ Ahmad, N. (2015). *Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabat Pendidikan Tafhiz di Malaysia*. Simposium Pendidikan Tafhiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV. Retrieved from: http://eprints.um.edu.my/13634/1/kertas_kerja_multaqa_huffaz.pdf

- [2] Chuan Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd
- [3] Fauzan, A. S., & Mohamad, S. (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Al-Turath*, 2(2). Retrieved from: <http://jurnalarticle.ukm.my/13574/1/51-88-1-SM.pdf>
- [4] Mustaffa, M. H. (2010). *Hafazan Al-Quran Dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat*. Kelantan: Pulai Chondong, Universiti Malaya.
- [5] Talib, N. H. F., Mohd Shafie, B. H., Husain, M., Zakaria, H., & Tamuri, A. H. (2010). *Al-Quran dan as-Sunnah Teras Ketamadunan Manusia*. Conference: Seminar Pengajian Islam Menjana Keintelektualan Ummah. Volume 1
- [6] Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. (2012). The Relationship Between Spiritual Practice and Student's Academic Performance. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia, 4(2), 51–60.